

TARIKH: 10/4/2023

SURAT KHABAR: SINAR HARIAN

MUKA SURAT:

## KSM nafi sokong sistem baharu ambil pekerja asing

**SHAH ALAM** - Kementerian Sumber Manusia (KSM) menafikan wujud sebarang perbincangan mengenai Sistem Pengambilan Pekerja Asing dan Pengurusan Sumber Manusia (SPDRM) dengan mana-mana pihak.

Menurut KSM, kenyataan yang menyebut SPDRM telah mendapat sokongan penuh KSM juga adalah tidak benar.

"KSM ingin menjelaskan bahawa tiada sebarang perbincangan yang pernah dibuat mengenai SPDRM dengan mana-mana pihak.

"Justeru itu, kenyataan yang menyatakan bahawa KSM telah memberikan sokongan penuh kepada SPDRM adalah tidak benar sama sekali.

"KSM berharap penjelasan ini akan

menjawab sebarang persoalan atau kekeliruan dalam kalangan majikan atau industri khususnya Perwakilan Diplomatik Negara-Negara Sumber di negara ini mengenai SPDRM," menurut KSM dalam kenyataan pada Ahad.

Kenyataan tersebut merujuk kepada laporan media pada Sabtu berkenaan dengan SPDRM yang dikatakan dapat

menangani isu pemerdagangan orang serta mempercepatkan kemasukan pekerja asing ke negara ini.

SPDRM juga dinyatakan telah mendapat sokongan penuh KSM dan memenuhi peraturan pengambilan pekerja asing termasuk syarat yang ditetapkan di negara ini serta negara-negara sumber.

Sinar  
10/4